



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN GERAN ONE-OFF DI BAWAH
PELAN JANA SEMULA EKONOMI (PENJANA) KEPADA
PENGUSAHA TADIKA SWASTA YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN GERAN *ONE-OFF* DI BAWAH
PELAN JANA SEMULA EKONOMI (PENJANA) KEPADA
PENGUSAHA TADIKA SWASTA YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pengusaha tadika swasta yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan KPM bagi pelaksanaan geran secara *one-off* di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pemberian geran secara *one-off* PENJANA kepada tadika swasta yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan KPM adalah antara inisiatif yang dirangka di bawah PENJANA yang merupakan kesinambungan daripada geran *one-off* PENJANA yang diberikan kepada pengendali taska yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
- 2.2. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban pengusaha tadika swasta dalam membuka semula tadika selepas terkesan dengan impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.
- 2.3. Menerusi usaha ini, pengusaha tadika swasta yang berdaftar dengan KPM akan menerima geran secara *one-off* PENJANA sebanyak RM5,000.00. Manakala, pengusaha tadika swasta yang tidak berdaftar dengan KPM berpeluang menerima geran secara *one-off* PENJANA sebanyak RM3,000.00 sekiranya berdaftar sebelum **31 Oktober 2020**.

3. OBJEKTIF

Pemberian geran secara *one-off* PENJANA ini adalah bertujuan untuk:

- i. Merangsang ekonomi negara melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- ii. Membantu pengusaha tadika swasta memulakan pengoperasian semula mulai 1 Julai 2020.
- iii. Memberi insentif kepada pengusaha tadika swasta untuk mengamalkan norma baharu serta memenuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) penjagaan keselamatan dan kesihatan dalam melaksanakan operasinya semasa PKP.

- iv. Menggalakkan pengusaha tadika swasta untuk berdaftar dengan KPM.
- v. Meningkatkan enrolmen murid tadika swasta di seluruh negara seperti yang dihasratkan dalam Inisiatif #104 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

4. KRITERIA KELAYAKAN

- 4.1. Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dalam kategori tadika swasta yang melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- 4.2. Tadika swasta yang **layak** memohon geran secara *one-off* PENJANA dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

4.2.1 Kategori A

Tadika swasta yang telah berdaftar dengan KPM di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) sebelum atau pada 31 Mac 2020.

4.2.2 Kategori B

Tadika swasta yang tidak berdaftar dengan KPM di bawah peruntukan Akta 550 sebelum atau pada 31 Mac 2020 tetapi didaftarkan dalam tempoh 1 April 2020 sehingga 31 Oktober 2020.

- 4.3 Kriteria **kelayakan penerimaan geran** secara *one-off* PENJANA bagi tadika swasta mengikut kategori seperti berikut:

4.3.1 Kategori A

- i Perakuan pendaftaran tadika swasta yang masih belum tamat tempoh dalam tahun semasa;
- ii Tadika swasta beroperasi semula selewat-lewatnya 31 Julai 2020; dan
- iii Telah melengkapkan dan mengemaskini maklumat institusi, guru dan murid dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK).

4.3.2 Kategori B

- i. Tadika berdaftar dengan KPM dalam tempoh 1 April 2020 sehingga 31 Oktober 2020;
- ii. Beroperasi selewat-lewatnya 31 Julai 2020; dan
- iii. Telah melengkapkan dan mengemaskini maklumat institusi, guru dan murid dalam SMPK.

5. KADAR

Kadar pemberian geran secara *one-off* PENJANA kepada tadika swasta adalah seperti butiran berikut:

5.1. Kategori A

Kadar geran secara *one-off* PENJANA berjumlah RM5,000.00 diberikan kepada pengusaha tadika swasta yang mematuhi semua kriteria seperti di para 4.3.1.

5.2. Kategori B

Kadar geran secara *one-off* PENJANA berjumlah RM3,000.00 diberikan kepada pengusaha tadika swasta yang mematuhi semua kriteria seperti di para 4.3.2.

6. KRITERIA PERBELANJAAN

6.1. Pengusaha tadika swasta boleh membelanjakan geran secara *one-off* PENJANA bagi tujuan berikut:

- i. Bahan persediaan untuk mematuhi norma baharu;
- ii. Kelengkapan dan peralatan kesihatan;
- iii. Kelengkapan dan peralatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
- iv. Sewaan dan utiliti; atau
- v. Pembayaran gaji guru dan kakitangan.

6.2. Perbelanjaan selain perkara 6.1 adalah berdasarkan keperluan dan pertimbangan pengusaha tadika swasta bagi tujuan pengoperasian semula berdasarkan norma baharu.

7. PERMOHONAN

7.1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Geran Secara *One-off* PENJANA Bagi Tadika Swasta Tahun 2020.(**Borang T1**)

7.2. Borang permohonan dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pendidikan Swasta di PPD atau ke JPN bagi negeri Perlis, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.(**Borang T2**)

7.3. Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.

7.4. Tarikh tutup permohonan geran *one-off* PENJANA adalah seperti berikut :

- i) Kategori A : 1 September 2020
- ii) Kategori B : 31 Oktober 2020

8. KAE DAH PENGAGIHAN

KPM akan menyalurkan peruntukan kepada tadika swasta yang terlibat melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam **akaun tadika** berdasarkan kelayakan dan mematuhi peraturan/tatacara perakaunan dan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

9.1. Bahagian Pendidikan Swasta (BPS)

- i. Menghebahkan pelaksanaan geran secara *one-off* PENJANA melalui surat siaran pemakluman kepada tadika swasta melalui JPN.
- ii. Menerima senarai tadika swasta yang layak menerima geran secara *one-off* PENJANA daripada JPN.
- iii. Menyalurkan geran secara *one-off* PENJANA kepada tadika swasta yang layak.
- iv. Memaklumkan kepada JPN berkaitan geran secara *one-off* PENJANA yang telah disalurkan kepada tadika swasta.
- v. Mengemukakan ringkasan laporan prestasi perbelanjaan peruntukan secara mingguan kepada Kementerian Kewangan Malaysia dan disalinkan kepada Bahagian Kewangan, KPM.

9.2. Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah

- i. Menghebahkan pelaksanaan geran secara *one-off* PENJANA melalui surat siaran pemakluman kepada tadika swasta.
- ii. Menerima, memproses dan menentusahkan permohonan daripada tadika swasta berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam penyaluran geran secara *one-off* PENJANA.
- iii. Menyedia dan mengemukakan senarai tadika swasta yang layak kepada Bahagian Pendidikan Swasta.
- iv. Memaklumkan kepada tadika swasta berkaitan penyaluran geran secara *one-off* PENJANA.
- v. Menerima perakuan penerimaan dan resit rasmi penerimaan atas nama Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, KPM daripada pengusaha tadika swasta dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penyaluran geran.
- vi. Merumus pelaporan perbelanjaan geran secara *one-off* PENJANA kepada Bahagian Pendidikan Swasta secara bulanan.

9.3. Pengusaha Tadika Swasta.

- i. Mengemukakan permohonan dengan menggunakan Borang Permohonan Geran Secara *One-off* PENJANA Bagi Tadika Swasta Tahun 2020 dan dokumen sokongan kepada Unit Pendidikan Swasta di PPD atau ke JPN bagi negeri Perlis, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- ii. Mengemukakan perakuan penerimaan dan resit rasmi penerimaan atas nama Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, KPM kepada JPN dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penyaluran geran. (**Borang T3**)
- iii. Mengemukakan pelaporan perbelanjaan geran secara *one-off* PENJANA kepada JPN/PPD selewat-lewatnya 30 hari daripada tarikh penerimaan geran. (**Borang T4**)
- iv. Memfailkan salinan perakuan penerimaan dan pelaporan perbelanjaan beserta resit untuk tujuan pengauditan.

10. PENUTUP

Garis Panduan ini dibangunkan sebagai rujukan bagi tujuan pengagihan geran secara *one-off* PENJANA kepada pengusaha tadika swasta.

**Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Julai 2020